

# Empangan Muda tak mampu bertahan

**Alor Setar:** Empangan Muda yang membantu melepaskan air ke Sungai Muda bagi sumber bekalan air utama kawasan selatan Kedah dan Butterworth di Pulau Pinang, dipercayai tidak mampu bertahan lama jika cuaca panas kesan fenomena El-Nino berterusan.

Timbalan Pengurus Besar Teknikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Hor Tek Lip, berkata berdasarkan paras semasa takungan di empangan Muda ketika ini, pihaknya percaya bekalan itu hanya mampu bertahan untuk tempoh sehingga 30 hari sahaja lagi.

Katanya, keadaan itu didorong peranan empangan Muda yang kini masuk hari ke-17 mengepam air ke Sungai Muda bagi membantu empangan Beris yang kini dilaporkan berada pada paras kritikal.

Beliau berkata pelepasan air dari empangan Muda ke Sungai Muda adalah ketiga dicatatkan dalam sejarah selepas 1998 dan 2002 susulan keadaan cuaca panas melampau yang melanda Kedah.

“Kita mula bertindak membantu melepaskan air ke Sungai Muda sejak 1 April lalu selepas mendapat permohonan daripada kerajaan negeri dan berdasarkan kapasiti sedia ada kini, kita jangka ia mampu bertahan selama lebih kurang 30 hari lagi.

“Sehingga kini tiada keputusan dibuat mengenai tempoh empangan Muda harus melepaskan air ke Sungai Muda dan kita masih berbuat demikian secara harian,” katanya ketika dihubungi BH, di sini semalam.

Empangan Muda adalah satu daripada tiga empangan di Kedah yang dikendalikan oleh MADA,

“

*Kita mula bertindak membantu melepaskan air ke Sungai Muda sejak 1 April lalu selepas mendapat permohonan daripada kerajaan negeri dan berdasarkan kapasiti sedia ada kini, kita jangka ia mampu bertahan selama lebih kurang 30 hari lagi”*

**Hor Tek Lip,**  
Timbalan Pengurus Besar  
Teknikal MADA

selain empangan Ahning dan Pedu, manakala Empangan Beris pula di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Di **Putrajaya**, umat Islam dan masjid di seluruh negara diminta menunaikan solat Istisqa’ (solat minta diturunkan hujan) hari ini bagi memohon kepada Allah supaya menurunkan hujan untuk mengatasi kemarau panjang yang melanda negara.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, berkata solat sunat dua rakaat itu harus dilakukan sejurus selepas solat Zuhur bagi mendoakan supaya negara ini terhindar daripada kesan kepanasan melampau dan keadaan cuaca kembali pulih seperti sedia kala.

“Fenomena cuaca panas dan kering akibat gelombang haba

dan fenomena El Nino yang sedang melanda negara kita pada ketika ini mengakibatkan berlakunya kes strok haba serta penyusutan paras air di kebanyakan empangan seluruh negara.

“Justeru, saya meminta masjid utama di bawah kelolaan JAKIM iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin serta seluruh masjid dan surau Jumaat di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menunaikan solat Istisqa’ ini.

“Selain itu, saya memohon kerjasama dan jasa baik pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di seluruh Malaysia supaya dapat mengadakan solat Istisqa’ di seluruh masjid dan surau di bawah seliaan agensi masing-masing,” katanya.